

24 MAY 2001

DR MAHATHIR BERI AMANAT KEPADA PEMUDA UMNO PADA SELASA

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Sebanyak 5,000 pemimpin dan ahli pergerakan Pemuda Umno akan menghadiri satu perhimpunan untuk mendengar amanat presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di PWTC di sini Selasa ini.

Anggota Exco Pemuda Umno, Mohamad Norza Zakaria, yang juga pengarah media, jawatankuasa pelaksana perhimpunan, berkata Perdana Menteri dijangka menggariskan peranan Pemuda Umno sebagai sayap parti ketika negara mengalami kemajuan dan pembangunan pesat dalam pelbagai sektor.

"Presiden dijangka menyentuh pendekatan yang sesuai dilaksanakan warga pemuda sebagai mata dan telinga parti, terutamanya dalam pelaksanaan dasar-dasar perjuangan Umno," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohamad Norza berkata dengan senario semasa, amanat Dr Mahathir bakal meniup semangat juang lebih tinggi di kalangan Pemuda yang kebanyakannya kini dibarisi kepimpinan baru di peringkat bahagian.

-- BERNAMA

AT ZS MAI